

Syarikat korporat perlu faham dasar kerajaan

ALUR SETAR 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua pihak, terutama syarikat-syarikat korporat memahami dasar kerajaan bagi memastikan agihan pembangunan yang saksama kepada semua rakyat tanpa mengketepikan masyarakat luar bandar.

Perdana Menteri berkata, keperluan asas bagi masyarakat luar bandar juga hendaklah dianggap penting dan tidak harus diketepikan begitu saja, walaupun pembekalan perkhidmatan di kawasan bandar didapati jauh lebih menguntungkan.

“Segala keuntungan

dan manfaat hendaklah dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara ini,” tegas beliau pada majlis perletakan batu asas Menara Alur Setar berharga RM40 juta, di sini hari ini.

Menara setinggi 165.5 meter adalah menara telekomunikasi kedua yang dibina oleh Telekom Malaysia dalam jangka masa dua tahun selepas Menara Kuala Lumpur dan merupakan menara konkrit yang ke-18 tertinggi di dunia.

Dr. Mahathir berkata, keperluan asas pembangunan di kawasan luar bandar turut menjadi satu

perkara yang semestinya dilihat dengan lebih serius bagi memastikan segala kemudahan kepada rakyat tidak diabaikan.

Sejajar dengan kemajuan teknologi telekomunikasi, katanya, kemudahan-kemudahan juga perlu disalurkan ke kawasan luar bandar supaya rakyat dapat menikmati faedah pembangunan yang hampir sama dengan kawasan bandar.

“Dasar kerajaan untuk menentukan agihan yang saksama kepada semua rakyat, baik di bandar ataupun di luar bandar adalah penting difahami,” tambah beliau.

■Lihat muka 2

Syarikat korporat perlu faham dasar kerajaan

Perdana Menteri menegaskan, kemajuan ekonomi negara bukanlah sekadar membentuk sebuah negara yang ekonominya tumbuh dengan pesat sahaja.

Tetapi lebih dari itu, katanya, kepesatan pertumbuhan ekonomi itu haruslah bercirikan pembangunan yang meneluruhkan kepada semua golongan rakyat mendapat manfaatnya.

Menurut beliau, pembangunan yang bercirikan kestabilan serta berjaya meningkatkan mutu kehidupan rakyat adalah matlamat sosial yang sangat penting.

“Inilah landasan wawasan negara yang harus dicapai menjelang tahun 2020,” ujarnya.

Dr. Mahathir juga yakin, usaha-usaha Telekom Malaysia akan dapat membantu meningkatkan lagi perkembangan teknologi telekomunikasi di Malaysia, selaras dengan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN).

DTN, tegas beliau, adalah untuk memberikan satu laluan yang lebih selesa kepada seluruh rakyat di samping dapat menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini.

Beliau berkata, dasar itu juga dibentuk untuk memastikan penggunaan teknologi tempatan adalah pada tahap yang maksimum selain menentukan teknologi tempatan setanding dengan negara maju di bidang berkaitan.